

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Perikatan UMNO-MCA, Konvensyen Nasional dan Tuntutan Pilihanraya Persekutuan 1955
Source	http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day239.doc
Author 1	Oong, Hak Ching
Author 2	NA
Author 3	NA
Publication/Conference	4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Edition	NA
Document Type	Article
CPI Primary Subject	Malaysian History
CPI Secondary Subject	Election and Politics; UMNO ; MCA;
Geographic Terms	Malaysia;
Abstract	This paper outlines the cooperation between UMNO and MCA during the 1955 General Election in Malaya. Article written in Malay.

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Iniatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

Perikatan UMNO-MCA, Konvensyen Nasional dan Tuntutan Pilihanraya Persekutuan 1955.

Prof Madya Dr Oong Hak Ching
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Dalam tahun 1953 tiga persidangan besar telah dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan politik dan gerakan nasionalis yang bertujuan menentukan dasar dan hala tuju politik Tanah Melayu dalam proses pembinaan negara bangsa. Persidangan pertama yang dikenali sebagai Persidangan Kebangsaan atau National Conference dianjurkan oleh Menteri-menteri Besar dan IMP, persidangan kedua dikenali sebagai Konvensyen Nasional atau National Convention dianjurkan oleh Perikatan UMNO-MCA dan terakhir persidangan yang dikenali sebagai Kongres Nasional Seluruh Tanah Melayu atau All Malaya National Congress dianjurkan oleh Persatuan Melayu Semenanjung (Peninsular Malay Union). Kertaskerja ini bertujuan membincang dengan lebih mendalam mengenai pemikiran politik pemimpin-pemimpin Melayu dan Cina dalam menangani masalah hubungan kaum dan merapatkan kerjasama antara mereka dalam usaha dan perjuangan mendapat kemerdekaan dan membina negara bangsa Tanah Melayu. Hasil daripada pemikiran dan perbincangan ini membawa kepada pelancaran Konvensyen Nasional yang dapat meningkatkan kesedaran dan perjuangan mendapatkan kemerdekaan dan membina sebuah negara bangsa baru yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu dan keudian Malaysia. Tulisan ini mengambil kira sejumlah bahan bukti yang belum dimanfaatkan oleh penulis-penulis terdahulu dalam merekonstruksi sejarah Konvensyen Nasional dan proses pembinaan negara bangsa.

Tinjauan Kepustakaan

Kekurangan dan ketandusan bahan-bahan untuk dijadikan bukti dalam menghasilkan sesuatu karya sejarah merupakan masalah besar dan rumit yang selalu dihadapi oleh penulis-penulis sejarah. Perkara ini sangat jelas jika diteliti tulisan-tulisan yang menyentuh mengenai Konvensyen Nasional dan pergolakan politik di Tanah Melayu dalam tahun 1953. Kebanyakan penulis seperti Ibrahim Mahmood (1981), Khong Kim Hoong (2003: 265-275), Ramlah Adam (1998: 264-267; 2004: 148-169), Harper (1999: 332) dan Mohd Ashraf Ibrahim (154-155) tidak berupaya mengutip bahan bukti yang mencukupi. Dalam keadaan demikian penulis-penulis terdahulu cuma membincangkan perkara ini sepintas lalu. Memandangkan ketiadaan bahan-bahan yang mencukupi perbincangan mengenai Nasional Konvensyen tidak tersusun dan menjadi kabur. Ibrahim Mahmood tanpa memberikan bukti-bukti yang kongkrit menyatakan bahawa Persidangan kebangsaan yang dianjurkan oleh Menteri-Menteri Besar merupakan usaha-usaha dan gerakan-gerakan untuk melemahkan dan membunuh UMNO (1981:358). Penulis ini terlalu berat sebelah dalam membuat pengadilan moral terhadap tokoh-tokoh

yang tidak sehaluan dengan UMNO dibawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Jika diteliti informasi yang diberikan dalam tulisan ini terutama kenyataan pihak penganjur yang ditandatangani oleh tujuh orang Menteri Besar termasuk Tuan Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Haji Abdul Aziz (Datuk Panglima Bukit Gantang yang juga menjadi Menteri Besar Perak) tujuan Persidangan Kebangsaan ada lah untuk menentukan "...bagaimanakah langkah yang baik yang patut diambil bagi mendirikan satu Kebangsaan Malayan yang bersatu dan bebas."(1981:36)). Tulisan ini juga menyinggung sepintas lalu mengenai Konvensyen Nasional. Huraian yang dibuat dalam lima halaman (377-381), tidak dapat memberi gambaran yang jelas mengenai perkembangan dan urutan peristiwa yang berkaitan dengan Konvensyen ini. Tambahan pula hampir dua halaman daripada lima halaman tersebut cuma memuatkan senarai nama wakil-wakil UMNO, MCA dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menghadiri konvensyen ini.

Tulisan Khong menghadapi masalah yang sama, misalnya penulis terlalu bergantung kepada akhbar dan tulisan Vasil (1971) sebagai rujukan penting. Khong Kim Hong berpendapat idea untuk mengadakan Konvensyen Nasional telah ditimbulkan oleh UMNO sejak bulan September 1952 apabila UMNO "...took the lead to call for a round table conference of all political parties for the purposes of discussing the attainment of Malaya's independence (2003:271)." Seterusnya mengikut Khong, "*Rejecting the invitation to participate in the IMP-Mentri Besar's 'National Conference , ' the UMNO and the MCA planned to convene their own 'National Convention' (ibid)*"

Ramlah Adam yang menulis mengenai "Gerakan Menuntut Kemerdekaan" (1998) memberikan gambaran yang berbeza mengenai Persidangan Nasional dan Konvensyen Nasional dan lebih menekankan peranan British. Menurut Ramlah: "Ternyata formula Dato Onn [dasar politik tidak perkauman] telah gagal dilaksanakan. Oleh itu British cuba mewujudkan satu parti gabungan bagi berbagai bangsa di Tanah Melayu." (1998:264). Menurut Ramlah lagi: "Dengan itu National Conference (N Conf.) telah ditubuhkan oleh British pada awal tahun 1953 sebagai satu alternatif baru kepada politik Tanah Melayu."(ibid.). Asal-usul Konvensyen Nasional juga dikatakan diambil daripada idea British. Menurut Ramlah: Pada 21 Ogos 1953, disebabkan tidak mahu dibayangi oleh Dato' Onn dan Panglima Bukit Gantang, pemimpin-pemimpin UMNO lama, Tunku Abdul Rahman telah mengadakan satu *National Convention*. Menurut Ramlah lagi; "Walaupun idea National Convention itu diambil dari British tetapi memperlihatkan kebebasannya dari pengaruh British."(ibid).

Dalam sebuah tulisan lagi mengenai Tunku Abdul Rahman Putra, Ramlah Adam memberikan satu huraian yang lebih panjang lebih mengenai Konvensyen Nasional dengan merujuk dokumen-dokumen dari Public Record Office, Great Britain yang kebanyakan dalam siri CO 1030. Dokumen-dokumen ini kebanyakan menyentuh peristiwa selepas Konvensyen Nasional diadakan. Dokumen dalam siri CO1022/151 yang membuat laporan mengenai Konvensyen Nasional tidak dirujuk. Bahan bukti daripada minit-minit mesyuarat pertemuan mejabula bulat UMNO-MCA juga tidak disentuh. Penulis sebaliknya lebih bergantung kepada tulisan Ibrahim Mahmood (1981) untuk memberi gambaran mengenai pemikiran dan tindakan Tunku Abdul Rahman yang

kemudiannya bersama-sama MCA menganjurkan Konvensyen Nasional. Menurut Ramlah:

Pagi yang nyaman itu benar-benar menyenangkan hati Tunku Abdul Rahman. Agin sepoi-sepoi bahasa Selat Tebrau mengulit lembut wajahnya. Akhbar Straits Times di tangannya ditatap tenang sambil membaca berita tentang National Conference yang baru ditinggalkan beberapa minggu lepas....Rasa Tunku tidak mahu lagi kalah dengan Dato' Panglima Bukit Gantang; sesuatu harus dilakukan bagi tujuan tersebut. Kehadiran Dato Onn juga cukup mengancam kedudukannya (2004:148).

Menurut Ramlah lagi: "Tindakan Tunku Abdul dan H.S.Lee menghadiri National Conference pertama pada bulan Februri itu, memang menjadikan idea National convention yang dianjurkan oleh Tunku merupakan lanjutan daripada National Conference." (150). Tetapi dalam tulisan ini terdapat informasi yang penting dan boleh dikembangkan untuk memahami asal-usul Persidangan Nasional dan Konvensyen Nasional. Dengan merujuk CO 1030/204 Ramlah memetik kenyataan yang menyebutkan " *The original idea of holding some of the resolution of Asian Socialist Conference in Rangoon and it was Che' Mohamed Sopiee, Chairman of the Pan Malayan Labour Party after his from that conference, who first publicly advocated something of the kind*" (petikan dalam 2004:150). Bahan bukti yang ditemui ini jelas memperlihatkan bahawa idea menganjurkan persidangan seperti Persidangan Nasional dan Konvensyen Nasional telah dikemukakan oleh Che Mohamed Sopiee. Tetapi Ramlah Adam kelihatan terlalu menekankan peranan British atau Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Jeneral sebagai faktor yang mendorong golongan nasionalis atau tokoh-tokoh politik tempatan menganjurkan kedua-dua persidangan tersebut. Sementara itu peranan tokoh-tokoh tempatan seperti Tunku Abdul Rahman, Che Mohamed Sopiee, Tan Cheng Lock dan H.S. Lee kurang disinggung.

Harper (1999) yang menulis *The end of empire and the making of Malaya* tidak dapat memberi apa-apa sumbangan dalam meningkatkan pengetahuan mengenai Konvensyen Nasional. Tulisan ini cuma menyinggung sepintas lalu mengenai persidangan ini, bahkan perkara ini tidak dinyatakan dalam indeks.. Harper menghadapi masalah yang sama dengan apa yang dihadapi oleh penulis lain ya itu ketandusan bahan bukti bagi memberikan penjelasan mengenai peranan Konvensyen Nasional dalam perkembangan politik, proses dekolonisasi dan pembentukan Tanah Melayu sebagai sebuah negara bangsa. Kajian semula mengenai perkara ini boleh dilakukan memandangkan banyak lagi bahan sejarah yang belum diperiksa atau diteliti terutama bahan-bahan MCA terutama minit-minit mesyuarat pertemuan tidak formal di antara wakili-wakil UMNO dan MCA sejak awal tahun 1953 hingga berlangsungnya Konvensyen Nasional. Kajian semula ini akan membuka peluang untuk mendapat bahan bukti yang lebih kukuh bagi membincangkan peranan Konvensyen Nasional dalam proses pembinaan negarabangsa Malaysia.

Perikatan dan Konvensyen Nasional

Sejak Perikatan UMNO-MCA memenangi pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur dalam tahun 1952 pemimpin-pemimpin politik UMNO terutama Tunku Abdul Rahman meneruskan perjuangan untuk mendapat kemajuan politik yang lebih besar dan mengharapkan kerajaan British mengambil langkah-langkah untuk mengadakan pilihanraya di peringkat Persekutuan bagi membolehkan penglibatan yang lebih masyarakat Tanah Melayu dalam pemilihan wakil mereka ke Majlis Perundangan Persekutuan dan seterusnya mencapai kemerdekaan. Keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan cuma terbuka kepada wakil-wakil yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British yang dianggap mewakili pertubuhan-pertubuhan politik, sosial dan perniagaan dan perusahaan, kesatuan sekerja dan lain-lain golongan berkepentingan. Dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan Tunku mengharapkan sokongan masyarakat Cina yang diwakili oleh MCA. Melalui surat-suratnya kepada pemimpin-pemimpin MCA Tunku Abdul Rahman memperlihatkan kesediaannya memberi konsesi politik yang lebih luas kepada masyarakat Cina (Oong Hak Ching, 2000).

Hasil perbincangan ini mereka bersetuju untuk mengadakan majlis pertemuan tidak formal pada 3 Februari 1953 di pejabat Persatuan Pelombong Cina Selangor (Selangor Chinese Miners' Association) di Foch Avenue Kuala Lumpur. Lima wakil daripada UMNO terdiri dari Tunku Abdul Rahman, Inche Sardon Jubir, Inche S A Bahaman, Dr. Ismail Rahman dan Syed Nasir bin Ismail. Wakil-wakil MCA pula ialah Dato Sir Cheng-lock Tan (Tan Cheng Lock), Col. H.S.Lee, Mr. Leong Yew Koh, Mr. S.M. Yong dan Mr. Ong Yock Lin. T. H. Tan, Ketua Setiausaha Eksekutif MCA bertindak sebagai Setiausaha majlis mesyuarat tidak formal ini. Para hadirin bersetuju Tan Cheng Lock menjadi pengerusi mesyuarat ini dan Tunku pula akan mempengerusi mesyuarat akan datang dan seterusnya kedua-dua tokoh ini akan bergilir-gilir mempengerusikan mesyuarat UMNO-MCA. Tan Cheng Lock memaklumkan kepada majlis tujuan mesyuarat ini diadakan bagi menentukan agenda bagi persidangan meja-bulat UMNO-MCA.. Sebelum membincangkan lebih lanjut agenda mesyuarat tersebut Tan Cheng Lock memberi penjelasan mengenai usaha-usaha MCA untuk membantu mengatasi masalah ekonomi masyarakat Melayu dan mengingatkan hadirin bahawa orang Cina bukan lah punca yang menyebabkan masalah ekonomi masyarakat Melayu. Yang harus dipersalahkan ada lah kerajaan British yang memberikan pendidikan hanya untuk membolehkan orang Melayu menjadi budak pejabat dan kerani. MCA sendiri telah menyediakan peruntukan berjumlah \$500,000.00 bagi membantu masyarakat Melayu. Menurut Tan Cheng Lock : *'... it was important... to redress the economic unbalance of the Malays. The Chinese should share their business experience with the Malays. What harm could this do ? Malaya would be richer if there could be 20 Malay millionaires ; the more rich the Malays the country had, the better for the Malay and for the country.* (SSP HSLee , Minit Mesyuarat)

Perlu dijelaskan di sini bahawa isu ini telah banyak diperkatakan dalam mesyuarat Jawatankuasa hubungan Kaum yang diadakan sejak 1949. Pada masa itu UMNO diwakili oleh Dato Onn Jafaar. Tetapi dalam mesyuarat ini UMNO diwakili oleh Tunku dan pemimpin-pemimpin UMNO yang belum pernah berbincang dengan MCA.

Cakap-cakap pemimpin MCA memang memberi kesan kepada Tunku Abdul Rahman yang menyatakan ‘...the myth of Chinese economic domination of Malaya had already been exploded.’ Tunku juga bersetuju masalah ekonomi orang Melayu berpunca daripada penjajahan British dan menyatakan ‘For to long the Malays had been content to play the part of ‘scramblers after the crumbs’. Today the Malays did not want to play that part any longer...’ Tunku berpendapat ‘... there could never be any true understanding between the Malays and the other races because of the British policy of Divide- and- Rule» ‘Tunku mengalu-alukan kerjasama UMNO-MCA. Menurut Tunku : ‘With the guidance of God, with the help of Col Lee, MR. S.M Yong, Mr. Ong Yoke Lin and few other , the UMNO-MCA alliance was started. It began first in Kuala Lumpur, and since spread to Johore and Malacca with very good result in the local elections. ...this alliance should be forged ahead wherever there were to be elections’ (SSP HSLee, minit mesyuarat)

Tan Cheng Lock bersetuju bahawa agenda untuk perbincangan dalam persidangan Meja-bulat UMNO-MCA ada lah mengenai kemerdekaan. Tetapi sebelum perkara ini dibincangkan UMNO-MCA perlu «... that the Malays and Chinese who together formed 90 percent of the population, must get together and stand on a common platform of understanding and co-operation. » H.S. Lee menambah bahawa ‘.... That UMNO and MCA should be practical and think out ways and means to achieve the goal of self-government’. Mesyuarat tidak formal ini membuat tiga keteapan: Jawatankuasa Perhubungan UMNO-MCA ditubuhkan di seluruh negeri; Tahun 1954 sebagai tarikh pelaksanaan prinsip-prinsip menentu kelyahkan menjadi pengundi Pilihanraya Persekutuan; dan pembentukan jawatankuasa kecil untuk merangka deraf peratoran pilihanraya Persekutuan. Jawatankuasa ini terdiri dari Dr Ismail, Sardon Jubir, S.M Yong dan H.S.Lee.

Sebagai langkah susulan mesyuarat tidak formal yang kedua diadakan pada 21 Februari 1953 di Singapura. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tunku Abdullah Rahman. UMNO diwakili oleh Inche Sardon Jubir, Syed Nasir, Dr Ismail Rahman bin Mohd. Hashim. MCA pula diwakili oleh Tan Cheng Lock, H. S.Lee, Ong Yoke Lin dan T.H.Tan. Tunku memaklum kepada mesyuarat bahawa keteapan yang dibuat oleh mesyuarat bersama UMNO-MCA tidak mengikat UMNO mau pun MCA. Keputusan mesyuarat Cuma dijadikan sebagai cadangan yang akan dikemukakan kepada pertubuhan masing-masing dan bergantung kepada jawatankuasa eksekutif UMNO atau MCA hendak menerima atau tidak. Dalam mesyuarat ini lah buat kali pertama Tunku mengemukakan cadangan supaya dianjorkan kongres kebangsaan yang kemudian dikenali sebagai konvesyen nasional. Menurut Tunku “...in view of the interest evinced in the deliberations of the Joint Committee and as a counter to suspicion and sabotage through the propaganda of thoses who did not want to see the Chinese and Malays uniting, UMNO and MCA should sponsor a sort of national congress to which other bodies, like IMP , Labour, etc., should be invited to participate in the discussions. Menurut co 1022/151, “The original idea of holding some form of national conference or congress probably derived from the resolutions of the Asian Socialist Conference in Rangoon dan ida ini dibawa pula oleh Mohamed Sopiee.

Cadangan Tunku hanya mendapat sokongan daripada Sardon Jubir. Tan Cheng Lock dan H.S Lee tidak bersetuju dengan cadangan ini buat sementara waktu. Menurut Tan Cheng Lock “...such a congress should have a very limited agenda’ dan ia mengingatkan mengenai “...the danger of convening such a congress without the Chinese and the Malays first agreeing absolutely on each principle to be put before the congress, otherwise there would be a serious split and the British would make capital of it by citing it as another example that the people of this country could not agree with one another.” H. S. Lee bersetuju dengan pandangan Tan Cheng Lock dan menyatakan “...such congress would be the eventual result of the deliberations of the Joint Committee dan dengan tegas menyatakan “ We cannot have it now” Manakala Ong Yong Lin pula menyatakan orang India yang mempunyai kesedaran politik yang kuat mungkin akan menimbulkan kekacauan dalam congress berkenaan dan juga kongres tersebut akan menimbulkan “ serious differences of opinion and dissension. Dr Ismail pula menyatakan kebimbangan mengenai “ what would be the position of the Joint Committee once such a Congress was convened.” Mesyuarat akhir memutuskan bahawa cadangan mengadakan kongres ditunda hingga UMNO dan MCA dapat mencapai kata sepakat mengenai prinsip-prinsip asas yang melibatkan kepentingan kaum masing-masing terutama dalam soal kelayakan menjadi pengundi.

Mesyuarat tidak formal UMNO-MCA yang ketiga diadakan pada 8 Mac 1953 di Johor Bahru. Mesyuarat ini dipengerusi oleh Tan Cheng Lock dengan dihadiri oleh wakil-wakil UMNO kecuali Syed Nasir dan S. A. Bahaman dan wakil-wakil MCA termasuk Leong Yew Koh. H.S.Lee melaporkan bahawa deraf cadangan mengenai Peratoran-peratoran Pilihanraya Persekutuan masih belum dapat disiapkan dan berjanji akan disiapkan sebelum ia ke England pada 18 Mac. Tunku menekankan peri mustahak deraf berkenaan disiapkan kerana ia akan mengemukakan kepada Perhimpunan Agung UMNO yang akan berlangsung pada awal April.

Tunku Abdul Rahman membangkitkan kembali mengenai isu mengandakan kongres kebangsaan. Tunku menyebutkan bahawa akbar membuat komen berhubung dengan pertemuan tidak formal UMNO-MCA dan ia dituduh menjual hak-hak orang Melayu kepada orang Cina. Tunku berpendapat kongres harus diadakan secepat mungkin bagi membersihkan namanya. Tunku memaklumkan bahawa Inche Mohamed Sopiee yang menjadi Pengerusi Parti Buruh Se Malaya (Pan-Malayan Labour Party) dan juga pegawai perhubungan UMNO Pulau Pinang dan Seberang Perai bermint untuk menganjurkan kongres.

Cadangan Tunku telah ditolak oleh mesyuarat. H. S.Lee sekali lagi tidak bersetuju dengan menyatakan: “...surely a Congress would of no use until the UMNO General Assembly and the M.C.A. Working Committee had first approved the Federal Election proposals.” Dr Ismail pula mencadangkan agar mereka cuba mendapatkan sokongan akbar bagi mengelakkan komen-komen buruk ditimbulkan mengenai perbincangan tidak formal UMNO-MCA dan juga mereka sendiri menerbitkan akhbar. Tan Cheng Lock menyokong pandang Dr Ismail dan mencadangkan T. H. Tan yang juga merupakan bekas wartawan *Singapore Standard* dapat memberi nasihat kepada akhbar

berkenaan. Tan Cheng Lock sendiri akan berbincang dengan Aw Boon Haw pemilik akhbar berkenaan.

Harapan Tunku sebagai mewakili golongan *moderate* untuk menganjorkan kongres kebangsaan yang pertama yang menggabungkan Melayu dan bukan Melayu telah hancur kerana beberapa penyokong kuat Dato Onn dan pemimpin-pemimpin IMP dan Menteri-menteri Besar telah pun membuat persiapan bagi menganjorkan kongres kebangsaan. Dato Panglima Gantang bersama-sama dengan Menteri Besar Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Terangganu dan Selangor dan beberapa pemimpin lain telah mengumumkan mereka akan menganjorkan satu persidangan di Kuala Lumpur pada 27 April 1953 dengan tujuan menghimpunkan "all those leaders who strive sincerely for a united, free and independence Malayan nation ...to consider how they can best in co-operation forward their splend ideal." Presiden UMNO menerima pelawaan daripada Dato Panglima Bukit Gantang untuk menghantar dua orang wakil menyertai persidangan ini.(SSPSHLee, Minit Msyuarat tidak formal UMNO-MCA, 2 April 1953).

Dalam mesyuarat tidak formal yang kelima yang diadakan pada 2 April di Melaka pemimpin-pemimpin UMNO-MCA telah membincang dengan panjang lebar mengenai Nasional Konferens dan pelawan yang mereka terima untuk turut serta dalam persidangan berkenaan. Surat pelawaan kepada Presiden UMNO itu menyatakan " *My colleague and I extend a cordial invitation to the United Malays National Organisation and very much hope that your organization will be able to accept this invitation to participate in the conference and nominate two representative to attend.*" Seterusnya surat itu menyatakan : " *We hope and believe that the conference will be widely representative of Malayan leaders of all races, and that it will make a valuable contribution to inter-communal harmony and national unity.*"

Persidangan Kebangsaan bertujuan untuk " *...consider all matters discussed at the conference and make recommendations at this conference at its meeting as to the steps that should be taken to build a united self-governing Malaya nation.*"

Tan Cheng Lock berpendapat bahawa tujuan asas persidangan itu ada lah " *to form a Working Committee dominated by the Mentris Besar.*" Daripada maklumat yang diterima oleh Lau Pak Khuan Menteri Besar Perak bercadang untuk membentuk Persatuan Kebangsaan Perak dan sesiapa yang enggan menjadi ahli akan dianggap menderhaka kepada Perak. Tunku tidak menolak kemungkinan menerima jemputan berkenaan dengan syarat mereka diberikan perwakilan yang mencukupi sesuai kedudukan mereka sebagai pertubuhan terbesar. Tan Cheng Lock juga bersetuju supaya UMNO dan MCA menyertai persidangan berkenaan untuk menunjukkan yang " *we are reasonable.*" Tetapi Leong Yew membantah dengan menyatakan " *UMNO and MCA should not allow their action to be influence by the sponsors of the National Conference.*" Dato Razak juga tidak bersetuju, bahkan menyatakan " *...the Mentris Besar should not be in the conference at all.*" Setelah berbincang begitu panjang lebar Tunku membuat andaian bahawa " *The National Conference was intended to forestall the National Congress.*" Mereka bersetuju jawapan yang akan dihantar kepada Dato' Panglima Gantang antara lain menyatakan UMNO dan MCA bersimpati dengan dengan

matlamat asas pihak penganjur dan UMNO-MCA akan “*redouble the efforts of the Malay and Chinese communities in Malaya...to create in this country a society where people enjoy peace and freedom, prosperity and happiness.*” (SSP HS Lee, Minit mesyuarat)

Mesyuarat ini menyatakan cadangan Nasional Konferens dan Jawatankuasa yang akan dibentuk akan didominasi oleh pegawai tinggi pentadbiran kerajaan dan individu-individu yang tidak mewakili mana kelompok penduduk. UMNO-MCA berpendapat “*the desire for a united Malayan Nation and self-government for Malaya must spring from the people.*” UMNO dan MCA berpendapat persidangan ini tidak membayangkan kehendak yang sebenar penduduk-penduduk di wilayah ini dan tidak mempunyai kewibawaan yang mencukupi berasas prinsip-prinsip demokrasi untuk meletakkan asas-asas bagi pembinaan “*a united self-governing Malayan nation.*” (SSP HS Lee, Minit mesyuarat).

Berikutan dengan peristiwa di atas telah mengadakan perbincangan tidak formal wakil-wakil persidangan meja-bulat Perikatan di Singapura pada 30 Mei 1953. UMNO diwakili oleh Tunku Abdul Rahman dan Dr Ismail Rahman. MCA pula diwakili oleh Tan Cheng Lock dan Leong Yew Koh. Parti Buru Se Malaya turut menghantar wakil ia itu Mohamed Sophie. T. H. Tan turut hadir sebagai Setiausaha mesyuarat. Tunku Abdul Rahman menekankan peripenting cadangan Kongres Kebangsaan dengan menumpukan perhatian kepada satu atau dua perkara ia itu pilihanraya peringkat Persekutuan dan cadangan reform Majlisi Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif. Tetapi Mohamed Sophie menekankan bahawa persidangan itu perlu menjaga kepentingan orang ramai. Menurutnya “*Some programme for the benefit of the people should be mapped out for placing before the Congress.*” Mesyuarat ini membincangkan komposisi kongres dan pertubuhan-pertubuhan yang akan dijemput yang antara lain termasuk UMNO, MCA, PMU, pertubuhan-pertubuhan India seperti MIC, FIO, MIA, dan MBIA, Persatuan Orang Serani, Persekutuan Ceylon Tanah Melayu, SCBA dan juga IMP. Objektif awal Kongress ini untuk membentuk *National Congress Party of Malaya* dan membolehkan pilihanraya umum diadakan pada tahun 1954 dan disusuli dengan reform Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Eksekutif.

Persidangan meja-bulat ini mencadangkan 15 orang pemimpin dipilih untuk menganjur kongres kebangsaan. Mereka terdiri dari Tunku Abdul Rahman, Dr Ismail Rahman, Inche Sardon Jubir, A. Bahaman, dan Dr Suleiman Rahman dari UMNO; Dato Sir Cheng-lock Tan, Leong Yew Koh, Col. H.S. Lee, Ong Yoke Lin dan S.M. Yong dari MCA dan Mohamed Sophie, Wong Pak Choy, M. Arokiasamy, Mohamed Khir Johari dan Lee Moke Seng dari PMLP (Buruh). Persidangan ini juga telah melantik Pro-tem Sekretariat yang terdiri dari T. H. Tan, Inche Asnall bin Hadi dan Yap Choong Koon.

Persidangan meja-bulat Perikatan juga telah merangka sebuah manifesto yang akan dikemukakan dalam Kongres Kebangsaan Malaya yang kemudian dikenali sebagai Nasional Konvensyen yang akan dijangka diadakan pada 1 Julai 1953. Yang menariknya manifesto ini membayangkan hasrat UMNO, MCA dan PLMP untuk menubuhkan sebuah parti tidak perkauman yang namanya dicadangkan *People Congress Party* atau

National Congress Party of Malaya. Manifesto ini antara lain menyebutkan bahawa “We people of Malaya, as represented by our political organizations, determined to establish in strength and unity INDEPENDENT STATE in which the sovereignty of the sultans as constitutional Rulers of their respective territories be maintained, to establish social order on the basis of the eternal principles of JUSTICE, LIBERTY and UNITY... Perikatan juga menekankan prinsip “Equality of citizenship rights, privileges and duties.” (SSP HSLee, Minit mesyuarat)

Perikatan juga bersetuju taboran calon untuk pilihanraya dengan berkadar Melayu:8, Cina:6, Buruh:4, India:2 dan lain-lain:1. Berasaskan kadar ini UMNO kelihatan begitu *generous* terhadap masyarakat bukan Melayu. Tetapi kadar ini dikaji semula berikutan Parti Buruh menarik diri dan calon Melayu daripada UMNO dalam Pilihanraya Persekutuan 1955 juga lebih banyak daripada yang dijangkakan.

Manifesto ini juga menyatakan Bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi bersama-sama bahasa Inggeris dan perkembangan kebudayaan berbilang bangsa akan digalakkan. Tiada halangan dari pemakaian bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah kebangsaan yang akan ditubuhkan. Di sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, bahasa Inggeris perlu diajar sebagai mata pelajaran wajib. Di Sekolah berbahasa pengantar Cina atau Tamil, bahasa Melayu dan Inggeris menjadi mata pelajaran wajib.

Pada 19 Jun 1953 satu mesyuarat wakil-wakil UMNO, MCA dan PMLP telah diadakan di Hotel Majestic Kuala Lumpur untuk meneruskan perbincangan mengenai rancangan mengadakan Kongres Kebangsaan. Wakil-wakil UMNO terdiri dari Tunku Abdul Rahman, Dr Ismail Rahman, Sardon Jubir dan Suleiman. Wakil-wakil MCA terdiri dari Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh, Leung Cheung Ling yang menggantikan H.S.Lee dan Ong Yoke Lin. Wakil-wakil PMLP pula terdiri Mohamed Sopiee, Wong Pak Choy, A.Arokiasamy, John Emanuel dan K.C.Chia. Turut hadir T.H. Tan, Hasnul bin Abd. Hadi, Lee Moke Seng dan Syed Jaafar Albar juga turut hadir. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tunku. Sardon melaporkan bahawa Perhimpunan Agung telah memberi kelulusan kepada cadangan menganjurkan kongres. PLMP juga tidak ada masalah untuk turut menganjurkan kongres ini. Tetapi Jawatankuasa Kerja MCA masih dalam peringkat mempertimbangkan buruk baiknya kepada orang ramai dengan mengadakan kongres ini. Sebelum perbincangan lanjut Tunku mencadangkan kongres nanti menerima empat perkara:

- (1) *That in order to serve its purposes, this country must have independence and intends to get it by peaceful and constitutional means;*
- (2) *That we shall maintain all that is good in, and for the country;*
- (3) *That general elections be held in 1954 as a first step towards independence;*
- (4) *After the general elections, the next step will be to plan what we should do when we get power. Whatever plans proposed should be for the benefit of all the people of the country and not a section of them. (SSP HSLee, Minit mesyuarat)*

Tunku dengan tegas menyatakan “...*the greatest menace would be class war and this should be avoided at all costs.*” (SSP HS Lee, Minit mesyuarat)

Dr Ismail pula membangkitkan kenyataan Parti Buruh yang boleh menimbulkan salah faham dan menjejaskan kedudukan kongres kelak. Kenyataan itu menyebutkan kemungkinan kerajaan British tidak semata-mata mengiktiraf kongres sebagai wakil tunggal pertubuhan kebangsaan. British mungkin memberi pengiktirafan juga kepada Persidangan Kebangsaan yang ditaja oleh Menteri-menteri sebagai wakil pertubuhan kebangsaan. Kerajaan British akan berunding dengan kongres dan juga persidangan dalam isu yang berkaitan dengan kemerdekaan. Untuk kepentingan orang ramai pihak kongres harus cuba mengelakkan dari mengambil tindakan yang boleh mencetuskan kontroversi atau memutuskan hubungan sehingga berpatah arang dengan Persidangan Kebangsaan. Pada pandangan Parti Buruh pihak Persidangan Kebangsaan mungkin juga dapat memberi sokongan sejauh mungkin dalam soal kerjasama di antara kedua-dua pihak. Dr Ismail menyatakan Parti Buruh harus membuat pilihan untuk menyertai Persidangan kebangsaan atau Kongres Kebangsaan. Tan Cheng Lock meminta mesyuarat menumpukan perhatian kepada “*the main points of its business*” iaitu pilihanraya umum dan kemerdekaan.

Mohamed Sopiee, Suleiman Rahman dan S.M.Yong diminta merangka draf ketetapan mesyuarat yang mengandungi kenyataan bahawa: *There shall forthwith be formed a National Congress of Malaya comprising democratic Malayan Political Organisation for the attainment by peaceful and constitutional means, of a sovereign and independence State of Malaya within the Commonwealth to:*

- (a) *establish, protect and uphold the principles of full responsible representative Government of the people, for the people, by the people:*
- (b) *safeguard the position of the Rulers of the Malay States as constitutional heads:*
- (c) *adopt, enforce and uphold the fundamental principles of Human rights laid down by the United Nations Organisation:*
- (d) *establish, protect and uphold of worship, thought and expression, and of Association:*
- (e) *consider and reconcile the conflicting claims of the various communities and groups and to protect the rights of the minorities.* (SSP HS Lee, Minit mesyuarat)

Ketetapan ini juga menyebutkan bahawa pilihanraya Persekutuan harus diadakan pada 1954 sebagai langkah pertama kearah pencapaian kemerdekaan dan kedaulatan Malaya.

Perikatan UMNO-MCA menghadapi banyak masalah untuk menganjurkan Kongress kebangsaan termasuk perselisihan faham di antara MCA dengan pemimpin-pemimpin Parti Buruh yang menyebabkan parti ini menarik diri daripada menjadi penganjur. Mesyuarat Perikatan UMNO-MCA yang diadakan di Johor Baru pada 10 Julai 1953 tidak disertai oleh wakil-wakil Parti Buruh. MCA Cuma menghantar dua wakil: Tan Cheng Lock dan Ong Yoke Lin. T. H. Tan turut hadir sebagai pemerhati.

UMNO pula menghantar enam orang wakil termasuk muka baru Mohd Yasin Abdul Rahman. Mesyuarat ini dipengerusi oleh Tan Cheng Lock.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mohamed Sophe telah memberi ucapan dalam mesyuarat Pemuda UMNO di Pulau Pinang yang dianggap cuba menimbulkan persefahaman di antara MCA dengan UMNO. Ucapan ini dilaporkan dalam akhbar *Melayu Raya* pada 28 Jun 1953 yang antara lain menyatakan jika mereka dipaksa memilih di antara dua kuasa: Imperialis British atau kapitalis, maka lebih baik mereka mengikut kerajaan British. Tetapi jika tiada pilihan ada lah menjadi tanggung jawab mereka untuk menyokong rakyat bagi memperoleh kemerdekaan. Menurut Mohamed Sophe PMLP menyokong perjuangan UMNO tetapi tidak boleh berkerjasama dengan MCA yang keiklaskan boleh diragukan. Mohamed Sophe mengemukakan pertanyaan kepada hadirin “*Do you think the MCA wants independence?*” (SSP HS Lee, Minit mesyuarat)

Tindakan Mohamed Sophe ini dilakukan kerana MCA tidak menampilkan kesungguhan bagi mendapat mandat dari anggota-anggotanya untuk menganjurkan Kongres Kebangsaan. Berikutan dengan kekecohan yang ditimbulkan ini PMLP mengambil keputusan menarik diri daripada menjadi anggota penganjur Kongres Kebangsaan. Lee Moke Sang, Setiausaha Agung PMLP dalam suratnya kepada Tunku Abdul Rahman memaklumkan hal ini tetapi menyokong usaha pembentukan *Malayan Peoples Congress* untuk memperjuangkan kemerdekaan dan mereka akan turut hadir jika dijemput. Tindakan Mohamed Sophe akhirnya memberi kesan positif. MCA kemudiannya tidak lagi berbelah bahagi menyokong Kongres Kebangsaan.

Mesyuarat Perikatan UMNO-MCA ini mengambil keputusan untuk menunda tarikh mengadakan Kongres Kebangsaan kepada 15 dan 16 Ogos 1953 dengan alasan MCA sedang menjalankan pungutan suara dari ahli-ahlinya mengenai kongres ini. Tarikh ini ditunda lagi memandangkan Perikatan UMNO-MCA masih tidak dapat menyelesaikan beberapa masalah teknikal seperti bilangan pertubuhan dan perwakilan yang akan dijemput dan juga menunggu respons daripada pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan. Pada 17 Ogos 1953 Perikatan mengadakan mesyuarat di Kelab Pelombong-pelombong Cina Selangor, Kuala Lumpur untuk membincangkan persiapan terakhir. UMNO diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, Dato Razak, Dr Ismail bin a. Rahman dan Aziz bin Ishak. MCA pula diwakili oleh Col. H. S. Lee, Ong Yoke Lin dan Leung Cheung Ling. T.H. Tan juga turut hadir.

Tunku melaporkan kepada mesyuarat bahawa pertubuhan-pertubuhan politik Melayu telah menganjurkan Persidangan Politik Melayu (Malay Political Conference) di Johor baharu. Pertubuhan politik Melayu turut hadir melainkan Persatuan Kebangsaan Perak. Menurut Tunku “It was a very successful meeting.” Tunku menjelaskan bahawa Persidangan Politik Melayu berkenaan bertujuan untuk membincangkan “...the basis representation at the National Convention.” Beberapa wakil menyatakan perasaan tidak puas hati mereka dengan saiz perwakilan dari Masyarakat Melayu yang dianggap kecil berbanding dengan bilangan penduduk Melayu. Dr. Ismail meminta penjelasan mengapa ada pertubuhan-pertubuhan Melayu yang besar tidak dijemput. Ia juga memberi

cadangan jika kemerdekaan tidak boleh diperolehi dengan cara pilihanraya, mereka boleh mendapatkannya dengan mengadakan rundingan dengan kerajaan British. Tunku tidak bersetuju dan berpendapat mereka terpaksa menunggu sampai hari Kiamat untuk mendapat kemerdekaan menerusi rundingan dengan kerajaan British.(SSP HSLee, Minit mesyuarat)

Col. H.S. Lee pula memberi laporan mengenai jemputan ke Konvesyen Nasional jawapan yang diterima daripada beberapa pertubuhan. PMLP tidak dapat membuat keputusan muktamad sehingga 21 Ogos. Kongres India Malaya (Malayan Indian Congress), Malayan-Born Indian Association, Malayan Indian Association dan Eurasian Union of Malaya menyatakan mereka tidak akan menyertai Nasional Konvesyen. Cuma Persatuan Melayu Semenanjung (Peninsula-Malays Union) pimpinan Hashim Ghani memberi jawapan yang positif. PMU akan menghantar Che Hashim Ghani dan Che Darus Ahmad sebagai perwakilan dan lima pemerhati terdiri dari Talib Ahmad, Abdul Majid bin Shaik Daud, Hashim Hamzah, Arshad Noordin, dan Ariffin Hussin. Memandangkan sambutan dingin daripada pertubuhan-pertubuhan politik mesyuarat ini memutuskan Nasional Konvensyen dibuka kepada orang ramai.

Mesyuarat ini memutuskan Tunku Abdul Rahman akan dilantik sebagai Pengerusi Konvensyen ini. Tan Cheng Lock akan membuat cadangan dan Dato Razak akan memberi sokongan. Tan Cheng Lock akan menjadi Naib Pengerusi. T.H. Tan menjadi Setiausaha, Dato Razak sebagai ketua perwakilan UMNO dan Aziz Ishak sebagai Penolong Setiausaha. Perikatan UMNO-MCA juga menyiapkan kertas cadangan mengenai “Executive Council Constitution and Election Proposals” untuk dibentangkan dalam Nasional Konvensyen. Akhirnya Kongress Kebangsaan yang ditukar namanya kepada Konvesyen Nasional diadakan pada 23 Ogos 1953, kemudian pada 11 Oktober 1953 dan 14 Februari 1954. Perikatan UMNO-MCA menjemput 15 pertubuhan tetapi yang hadir cuma empat buah tidak termasuk Perikatan. Pertubuhan itu ialah PAS (Pan-Malayan Islamic Party), PMU (Peninsular Malays Union), KMU (the Kelantan Malay Union) dan Parti Buruh Tanah Melayu (the Pan-Malayan Labour Party). Konvensyen Nasional mengeluarkan manifestonya yang antara lain menyatakan : *"We the people of Malaya, as represented by our political organisations, determined to establish strength and unity independent state (in which the sovereignty of the sultans as constitutional Rulers of their respective territories shall be maintain) , social order on the basis of eternal principles of justice, liberty and unity..."* (SSP HSLee, Minit mesyuarat). Konvensyen ini juga meminta supaya Pilihanraya Persekutuan diadakan pada atau sebelum bulan November 1954. Nasional Konvensyen juga telah menerima ketetapan-ketetapan lain yang dibuat oleh Perikatan UMNO-MCA.

Nasional Konvensyen telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk “...consider and recommend Constitutional Reforms in the Federation of Malaya” Jawatankuasa ini mengandungi 10 ahli yang antara lain termasuk Tunku Abdul Rahman, Dr Ismail, H. S. Lee, S.M. Yong, Ong Yoke, Mohd Daud bin Haji Salleh (PMMK), Ahmad bin Abd. Rahim (PMU, Johor Baharu) dan lain-lain. Jawatankuasa ini telah membuat laporan yang akan dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Antara lain jawatankuasa ini berpendapat “...the time has arrived for

elections to the Federal Legislature...as indicated by the fact that there is popular demand for such elections.” Pertubuhan-pertubuhan seperti PMLP, MIC, dan Parti Kebangsaan Perak juga menuntut supaya pilihanraya diadakan pada 1954. (SSP HSLe, Minit mesyuarat)

Laporan ini mencadangkan supaya “*franchise be liberalized at least for the first Federal elections.*” Kelayakan menjadi pengundi sebagaimana yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini berasas prinsip-prinsip berikut:

- (a) *Subjects of the Rulers of the Malay States*
- (b) *Federal Citizens;*
- (c) *Any person born in any part of the Federation of Malaya and ordinarily resident in the Federation of Malaya for the last five years immediately preceding the elections;*
- (d) *British subject born in Singapore and ordinarily resident in the Federation of Malaya for the last seven years immediately preceding the elections.* (SSP HSLe, Minit mesyuarat)

Kerajaan British telah membentuk sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji penyusunan semula Majlis Perundangan Persekutuan sebagai respon kepada desakan Perikatan dan pertubuhan-pertubuhan politik yang diwakili oleh Persidangan Kebangsaan dan Konvensyen Nasional. Jawatankuasa ini mengandungi 46 ahli yang kebanyakan mereka daripada pengikut Dato Onn dan wakil-wakil dalam Persidangan Kebangsaan (National Conference). Perikatan UMNO-MCA cuma diberi peluang menghantar tujuh wakil sahaja. Satu angka yang terlalu kecil bagi dua pertubuhan politik yang kuat dan besar ini.

Pada Januari 1954, Jawatankuasa Pilihanraya menghasilkan laporan yang menunjukkan mereka tidak dapat mencapai kata sepakat. Laporan Majoriti mencadangkan bahawa 48 dilantik dan 44 dipilih. Ini bermakna mereka mau melambatkan proses membawa Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Laporan Minoriti yang disokong oleh Perikatan mencadangkan 60 dipilih dan 40 dilantik. Perikatan mengemukakan cadangan majoriti ahli dipilih kerana mereka diduga akan memenangi Pilihan raya yang akan diadakan kelak.

Laporan Jawatankuasa Pilihanraya telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Persidangan Raja-raja. Sebuah Kertas Putih (White Paper) telah diterbitkan mengandungi satu tolak ansur: Dewan Perundangan Persekutuan yang disusun semula akan mengandungi 98 ahli dengan 46 dilantik dan 52 dipilih. Perikatan tidak puashati dan menuntut supaya sekurang-kurangnya 3/5 ahli Dewan Perundangan baru dipilih. Perikatan mengambil keputusan menghantar delegasi ke London untuk membincangkan isu berkenaan dengan Setiausaha Negara Bagi Tanahjajahan. Wakil-wakil Perikatan terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Dato Razak dan T.H. Tan.

Melalui pertolongan Lord Ogmores, wakil-wakil Perikatan telah dapat menemui Setiausaha Bagi Negara. Perikatan mengatakan mereka tidak dapat menerima cadangan Kertas Putih kerana pihak yang menang dalam Pilihanraya tidak berupaya membentuk

sebuah kerajaan yang kuat dan mereka boleh dipermain-mainkan oleh ahli-ahli yang dilantik. Selain daripada kos mengadakan pilihanraya terlalu besar dan membebankan parti-parti yang bertanding. Rombongan Perikatan gagal mendapat sokong Setiausaha Negara Bagi tanahjajahan. Sekembali mereka ke Tanah Melayu mereka meneruskan tuntutan berkenaan. Templer bersetuju dengan beberapa cadangan Perikatan dan membayangkan kemungkinan beberapa ahli-ahli khas yang akan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi diambil daripada mereka yang dicadangkan oleh pihak yang menang.

Pada 13 Jun 1954 Perikatan UMNO-MCA mengambil keputusan memboikot kerajaan dengan menarik ahli-ahli mereka yaang dilantk dalam badaan-badan kerajaan. Antara mereka yang meletak jawatan termasuklah H.S. Lee (Pengangkutan), Ismail (Sumber Alam) dan Tunku sendiri. British berpendapat tindakan Perikatan tidak akan berkesan kerana kebanyakan ahli-ahli yang dilantik dalam Dewan Perundangan dan badan-badan kerajaan terdiri daripada penyokong Dato Onn dan Parti Negara yang menggantikan IMP.

Pada 24 Jun 1954, the Federation of Malaya Agreement (Amendment) Bill telah dibentangkan di Dewan Perundangan oleh Dato Onn selaku Ahli Ehwal dalam Negeri. 59 ahli-ahli Dewan yang hadir telah meluluskan Rang Undang-undang ini dengan sebulat suara. 16 ahli Perikatan UMNO-MCA memulaukan persidangan ini kerana mereka menyedari dengan kedudukan sebagai golongan minoriti yang begitu kecil mereka tidak mempengaruhi keputusan Dewan. Pindaan perlembagaan dilakukan mengikut cadangan Kertas Putih dan Pilihanraya akan diadakan pada Julai 1955.

Selepas kegagalannya Perikatan telah mengubah strategi perjuangan dengan cuba mendapat sokongan daripada Sultan-sultan. Pada 2 Julai 1954, mereka mengadakan perarakan yang dihadiri oleh seramai 2000 orang ke Johor Baharu untuk mengadap dan mengemukakan petisi yang antara lain meminta supaya dilantik sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan mengemukakan cadangan reformasi perlembagaan unuk Tanah Melayu.

Strategi Perikatan berjaya memikat hati Sultan Johor yang kemudian mengadakan mesyuarat dengan sultan-sultan pada 22 dan 23 Ogos 1954. Persidangan Raja-raja Melayu yang diadakan 21 Oktober 1954 telah bersetuju dengan cadangan UMNO mengenai keperluan menyemak semula perlembagaan Tanah Melayu dan dicadangkan sebuah Jawatankuasa dilantik dengan ahli-ahli yang kebanyakannya bersimpati dengan UMNO termasuk Dato Abdul Razak, Naib yang Di pertua UMNO.

Pesuruhjaya Tinggi juga bertolak ansor dengan Perikatan dengan memberi jaminan bahawa ia akan berunding dengan parti yang menang bagi menentukan lima daripada tujuh ahli khas (seven reserved Nominated Members seats) dalam Dewan Perundangan. Ini bermakna parti yang menangi Pilihanraya Persekutuan nanti mempunyai kesempatan menentukan penyokong mereka akan dilantik bagi lima kerusi khas berkenaan. Jaminan Pesuruhjaya Tinggi British ini telah diterima oleh Perikatan dan mereka telah menamatkan pemulauan atau boikot. Kejayaan ini menyebabkan Perikataan

dianggap sebagai juara dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan kedudukan politik Dato Onn semakin pudar.

Jalan ke arah kemerdekaan masih belum jelas. Pada Mac 1955 Sir Anthony Eden, Setiausaha Luar (the Foreign Secretary), menyatakan Darurat menjadi halangan bagi Britain untuk membawa Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Ini bermakna Perikatan harus berusaha menamatkan darurat walau pun dengan jalan berunding dan mendapat kerjasama dengan PKM.

Dalam Pilihanraya yang diadakan pada 27 Julai 1955, Perikatan meletakkan 52 calon dengan 35 calon UMNO, 15 MCA dan 2 MIC. Pembahagian kerusi ini dibuat tidak berdasarkan bilangan pengundi mengikut kaum. Peratusan pengundi yang berdaftar dalam tahun 1955 dianggarkan 84 peratus Melayu, 11 peratus Cina dan 5 peratus India. Cuma dua kawasan Pilihanraya yang mempunyai pengundi majoriti bukan Melayu. Ini bermakna Perikatan meletakkan 17 calon bukan Melayu bertanding di kawasan Melayu. Manifesto Pilihanraya Perikatan inginkan kemerdekaan dalam masa empat tahun, meneruskan dasar pendidikan yang akan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, memalayanisasi perkhidmatan awam, dan menawarkan pengampunan (general amnesty) kepada PKM bagi menamatkan Darurat. Perikatan UMNO-MCA-MIC mendapat kemenangan besar dengan menawan 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Perikatan mendapat lebih daripada 81 undi popular. Parti Negara di bawah pimpinan Dato Onn tidak memenangi sebarang kerusi. Walaupun Dato Onn meniupkan sentimen nasionalisme Melayu yang kuat dalam pilihanraya ini pengundi lebih tertarik dengan isu kemerdekaan. Pilihanraya ini menyaksi kemunculan Parti Islam Se Malaya (PAS) yang telah memenangi sebuah kerusi.

Berikutan dengan Pilihanraya ini "sistem ahli" telah di tukar kepada sistem kabinet. Tunku Abdul Rahman, selaku pemimpin Perikatan telah dilantik sebagai Ketua Menteri atau ketua kerajaan. Pesuruhjaya Tinggi British masih kekal sebagai ketua persekutuan dan mengekalkan kuasa mengesahkan undang-undang. Pemimpin-pemimpin Perikatan merasakan bahawa penganas Komunis harus diberi pengampunan bagi menggalakkan mereka menyerah diri dan menghentikan pemberontakan bersenjata. Komunis juga telah mengubah strategi perjuangan dengan melancarkan ofensif damai atau jalan perundingan. Pada Jun pemimpin-pemimpin Perikatan menerima surat bertarikh 1 Mei daripada PKM yang menyatakan bahawa tujuan perjuangan Tentera Pembebasan Bangsa Malaya (MRLA) untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Malaya yang berperintahan demokrasi dan aman. PKM memberi bayangan bahawa mereka bersedia untuk menemui pihak kerajaan dan berunding bagi mewujudkan keamanan.

Sebagai respons Tunku Abdul Rahman dan beberapa pemimpin Perikatan yang lain mula menyokong idea untuk berunding dengan PKM. Keadaan ini menimbulkan kecemasan bagi pegawai-pegawai British dan Komanwel. Pesuruhjaya Tinggi memang sedar bahawa Perikatan dan PKM mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk mengusir British dan mendapat kemerdekaan. Ia berpendapat jika isu kemerdekaan dibincangkan "*the Chief Minister may emerge from the meeting feeling that he has a closer identity of view* (Oong,2000a:216)" PKM dan akan meningkatkan status Chin

Peng. Status pegawai British pul akan merosot. Dengan demikian British mengambil keputusan untuk memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dengan menganggap isu Darurat bukan lagi menjadi halangan. Tunku pergi menemui Chin Peng dengan kemerdekaan sudah berada dalam tangan. Selepas Pertemuan Baling, Tunku mengetuai satu delegasi yang mengandungi empat wakil Perikatan dan empat wakil Sultan-sultan ke London untuk merundingkan kemerdekaan tanah Melayu. Mereka tiba dalam Januari 1956 dan berunding selama tiga minggu. British seperti yang dijangkakan akan memberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Kerajaan British telah melantik sebuah Suruhanjaya Komanwel (Commonwealth Commission) yang dikenali sebagai Reid Commission untuk membuat cadangan bagi perlembagaan masa hadapan Tanah Melayu. Commission ini mengandungi ahli-ahli termasuk Lord Reid sebagai Pengerusi, Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William McKell (Australia), Mr. Justice Abdul Hamid (Pakistan), and Chief Justice B. Malik (India). Suruhanjaya melawat dan memungut pandangan pada bulan Mei 1956. Kedatangan Suruhanjaya ini meningkatkan lagi perasaan perkauman di antara penduduk-penduduk keturunan Melayu dan bukan Melayu terutama Cina kerana perbezaan kepentingan dalam tuntutan-tuntutan dan pandangan-pandangan mereka mengenai beberapa isu perlembagaan. Perikatan pada mulanya ingin menghantar satu memoranda juga menghadapi masalah kerana tekanan-tekanan daripada pihak-pihak tertentu dalam kalangan organisasi-organisasi masing-masing: UMNO daripada masyarakat Melayu; MCA dengan masyarakat Cina dan MIC dengan masyarakat India.

Dewan-dewan perniagaan Cina dan persatuan-persatuan sosial dan kebajikan Cina atau Hua Tuan menuntut supaya prinsip kewarganegaraan berasaskan *jus soli* yang ditentang kuat oleh masyarakat Melayu. Perikatan kemudian dapat bertolak ansur mengenai isu ini yakni menerima prinsip *jus soli* tertangguh. Sesiapa yang dilahir pada atau selepas Merdeka akan diterima jadi warganegara secara otomatis. Berdasarkan prinsip *jus soli* tertangguh ini hampir separoh daripada penduduk Cina yang membolehkan mereka menjadi pengundi dan memainkan peranan yang bermakna dalam kehidupan politik Tanah Melayu. Beberapa cadangan daripada UMNO atau masyarakat Melayu seperti kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan, agama Islam sebagai agama rasmi dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa rasmi telah diterima dan menjadi sebahagian cadangan Perikatan. Perikatan menolak konsep dua kewarganegaraan.

Suruhanjaya Reid telah menyiapkan tugas merangka draf perlembagaan Tanah Melayu pada Februari 1957. Draf ini kemudian diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Kerja tempatan yang mengandungi 11 ahli mewakili Sultan-sultan, Perikatan dan pegawai-pegawai British. Jawatankuasa Kerja membuat beberapa pindaan dan kemudian dibentangkan dalam Dewan Perundangan Persekutuan pada 15 Ogos. Pada pukul 12 tengahmalam 30 Ogos 1957 bendera Union Jack telah diturunkan dan Tunku Abdul Rahman mengistiharkan kemerdekaan.

Rumusan

Tahun 1953 telah menyaksikan meningkatnya perjuangan politik yang berasaskan kerjasama antara kaum dan perjuangan ke arah kemerdekaan. Kumpulan-kumpulan politik dan gerakan nasionalis berbagai kaum bersama-sama menganjurkan dan menyertai persidangan antara kaum yang bertujuan meningkatkan keazaman bersama untuk menentukan dasar dan hala tuju politik Tanah Melayu. Idea ini diambil dari resolusi Persidangan Sosialis Asia yang pertama di Rangoon yang diadakan pada 1953. Mohamed Sophee membawa pulang idea berkenaan yang menghasilkan Persidangan Kebangsaan atau National Conference dianjurkan oleh Menteri-menteri Besar dan IMP, Idea ini juga menghasilkan persidangan kedua yang dikenali sebagai Konvensyen Nasional atau National Convention dianjurkan oleh Perikatan UMNO-MCA.. Pemimpin-pemimpin Melayu dan Cina sebagai diwakili oleh UMNO dan MCA telah berunding dan mencapai kata sepakat dalam menangani masalah hubungan kaum dan merapatkan kerjasama antara mereka. Hasil daripada perbincangan dan pemikiran melalui pertemuan tidak formal UMNO dan MCA berjaya menganjurkan Konvensyen Nasional yang membuktikan kepada British bahawa Tanah Melayu telah bersedia untuk berdiri sendiri dan bersatupadu untuk membina sebuah negara bangsa baru yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaysia.

Rujukan

CO 1022/151.

Ibrahim Mahmood. 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Khong Kim Hoong. 2003. *Merdeka! British Rule and the struggle for independence in Malaya 1945-1957*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.

Mohd Ashraf Ibrahim. 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang bersatu*. Bangi: Penerbit UKM.

Oong Hak Ching, 2000. *Tunku Abdul Rahman, Tan Cheng Lock dan Penubuhan UMNO-MCA*. Kuala Lumpur: Memorial Tunku Abdul Rahman.

-----, 2000a, *Chinese Politics in Malaya 1942-55: The dynamics of British policy*. Bangi: Penerbit UKM.

Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Press.

SSP HS Lee (Surat-surat Persendirian H.S Lee.)